

## Book review



**“ Buat Duit Dengan Uber: panduan menjana pendapatan dengan uber ” - Mazli Bidu**

ISBN: **9789674118204**

Penerbit : **PTS Publishing House**

No. panggilan: **HD8039.T16 M39 2016 k**

Uber menjadi salah satu fenomena di Malaysia terutama kepada mereka yang sering menggunakan perkhidmatan teksi. Buku ini mengupas berkenaan perkhidmatan uber yang dapat membantu masyarakat untuk menjana pendapatan sampingan di samping menyediakan perkhidmatan alternatif selain dari pegangkutan awam konvensional.

Penulis memberikan penjelasan yang sangat terperinci bagaimana memulakan uber, gaya bahasa yang mudah dan senang difahami. Buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama lebih kepada pengenalan kepada uber, bagaimana uber mampu menjana pendapatan tambahan. Bahagian kedua menerangkan keperluan dan kelengkapan untuk menjadi salah seorang uber *partner* ini termasuklah syarat-syarat utama, persediaan mental dan fizikal. Bahagian ketiga lebih menekankan kepada kualiti dan ciri-ciri yang perlu ada pada pemandu uber itu sendiri. Apa yang menariknya buku ini, penulis bukan sahaja memuatkan testimoni pemandu uber bahkan juga pengguna perkhidmatan uber sendiri.

Ya, anda harus membaca buku ini sebagai panduan lengkap untuk jana duit dengan Uber.

*Ringkasan buku oleh: Amelia Hasan, Pustakawan*